

22 AUG 2004

Petronas-Pendidikan

PETRONAS BERI PELUANG PENDIDIKAN PADA 60,000 WARGA MALAYSIA

BANDAR SERI ISKANDAR, 22 Ogos (Bernama) -- Syarikat minyak negara Petronas bukan sahaja berjaya menerokai pasaran global tetapi telah memberi peluang kepada hampir 60,000 warga Malaysia mengikuti pengajian dalam pelbagai bidang, kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Tan Sri Mohd Hassan Marican.

Beliau berkata 30,000 orang telah belajar di Akademi Laut Malaysia (Alam) dan 5,000 lagi di Institut Teknologi Petronas atau Universiti Teknologi Petronas (UTP) yang dimiliki Petronas.

Katanya, 24,000 yang lain pula mendapat penajaan Petronas untuk melanjutkan pelajaran di universiti-universiti tempatan dan luar negara sejak syarikat itu ditubuhkan 30 tahun lepas.

"Petronas dari awal lagi telah mengambil keputusan membangunkan sumber tenaga manusia bukan hanya untuk memenuhi keperluan syarikat tetapi juga sebagai pembuluh kepada pembangunan sumber manusia negara," katanya pada majlis perasmian UTP oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di sini hari ini.

Hadir sama Canselor UTP dan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, Menteri Besar Perak Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali dan Rektor UTP, Dr Rosti Saruwono.

Mohd Hassan berkata Petronas berperanan penting memacu negara dalam usaha perindustrian terutama dalam industri berteknologi tinggi seperti pembangunan Koridor Petrokimia Pantai Timur, Kompleks Industri Petroleum Petronas di Kertih dan Kompleks LNG Petronas bertaraf dunia di Bintulu.

"Bagi menyokong industri raksasa Petronas, tenaga kerja yang terlatih dan berkemahiran tinggi diperlukan," katanya.

Mengenai UTP, Mohd Hassan berkata ia perlu mengambil iktibar Petronas yang bermula secara sederhana tetapi kini menjadi syarikat minyak bertaraf antarabangsa yang beroperasi di 35 buah negara.

"UTP dan Petronas berkongsi sejarah permulaan yang sederhana, jika Petronas memulakan operasinya di sebuah bangunan kayu di Jalan Datuk Onn, UTP pula bermula pada 1995 dengan menumpang kemudahan akademik milik Universiti Putra Malaysia (UPM) serta Institut Latihan Pengurusan Petronas (Permata) di Bangi, Selangor.

"Setahun selepas itu, UTP berpindah pula ke Bandar Seri Iskandar dan mengambil alih kampus milik Universiti Sains Malaysia (USM) cawangan Perak," kata beliau.

Mohd Hassan berkata nasib UTP daripada beberapa segi adalah lebih baik daripada Petronas kerana berjaya memiliki kampus tetap dalam masa kurang 10 tahun sedangkan Petronas mengambil masa hampir 25 tahun untuk berpindah dari Jalan Datuk Onn ke Menara Berkembar Petronas.

-- BERNAMA

AR MOZ